

(0240)

Elemen *Humanistic* Dalam Pemikiran Nasr Hamid Abu Zayd: Satu Kajian Kritik

Nur Zainatul Nadra Binti Zainol
Jabatan Pengajian Islam dan Sains Kemanusiaan, Fakulti Sains,
Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
84200, Batu Pahat, Johor, Malaysia
Tel: +6017-2380438 Email: nadra@uthm.edu.my

Latifah Binti Abdul Majid
Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
Tel: - Email: u/mlm@uk.com

Muhd Najib Bin Abd Kadir
Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
Tel: - Email: abunaseh@yahoo.com

Abstrak

Nasr Hamid Abu Zayd mempunyai metode yang tersendiri ketika mengkritik al-Qur'an. Berdasarkan kepada kajian Sukidi (2009) Abu Zayd tidak hanya mengaplikasi hermeneutik bahkan beliau juga telah mengkritik al-Qur'an dengan menerapkan elemen *humanistic*. Artikel ini menganalisis elemen *humanistic* yang dibawa oleh Abu Zayd dalam empat aspek iaitu definisi al-Qur'an, konsep bahawa wahyu, proses penurunan wahyu dan metode pentafsiran. Untuk mencapai *validity data*, artikel yang bersifat kualitatif ini telah menggunakan metode analisis kandungan sebagai sumber pengumpulan data. Justeru, sumber data bagi artikel ini adalah terdiri daripada karya-karya Abu Zayd dan analisis kandungan telah dilakukan untuk tujuan mengeluarkan data. Hasil kajian menunjukkan, elemen *humanistic* yang telah diterapkan kepada al-Qur'an telah mencetuskan implikasi terhadap al-Qur'an, konsep wahyu, tafsiran relatif dan liberalisasi hukum syariah.

Kata kunci: Humanistic; Hermeneutik; Abu Zayd; Pemikir Moden; Kritik Al-Qur'an